

Bil. S 20

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA PERIKANAN (PINDAAN), 2002

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
2. Pindaan gelaran panjang Penggal 61.
3. Pindaan bab 2.
4. Pindaan bab 5.
5. Pindaan Akta.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH AKTA PERIKANAN (PINDAAN), 2002

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Perikanan (Pindaan), 2002.

Pindaan gelaran panjang Penggal 61.

2. Gelaran panjang Akta Perikanan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut, adalah dipinda dengan memasukkan "and fish processing" sejurus selepas "fisheries" dalam baris pertama.

Pindaan bab 2.

3. Bab 2 dari Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan yang berikut sejurus selepas takrifan "other fishing appliance" —

"ikan proses" bermakna ikan yang telah diasinkan, dimasak, disejuk-beku atau diawet dengan apa-apa cara dan termasuk sebarang produk yang diperolehi atau dikilang seluruhnya atau sebahagiannya dari ikan;"

Pindaan bab 5.

4. Bab 5 dari Akta tersebut adalah dipinda —

- (i) dengan memasukkan "(1)" sejurus sebelum "The" dalam baris pertama;
- (ii) dengan memotong "fishing and fisheries" dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan "fisheries, fishing and fish processing";
- (iii) dengan memasukkan sejurus selepas perenggan (s) tiga perenggan baru yang berikut —

"/sa/ untuk mengawalselia mana-mana tempat yang digunakan bagi memproses, membungkus atau menyimpan ikan, pemeriksaan tempat itu dan kelengkapan di dalamnya, dan untuk mengawal dengan melesenkan mana-mana tempat yang digunakan bagi sebarang maksud tersebut;

(sb) untuk mengawal cara-cara memproses ikan;

(sc) untuk mengawalselia pemeriksaan dan penyelidikan ikan proses dan ikan yang hendak diproses dan piawaian untuk mengawal kualiti ikan tersebut;"

(iv) dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(2) Peruntukan boleh dibuat dalam sebarang peraturan yang dibuat di bawah perenggan (sa) cerai (1) bahawa mana-mana tempat yang disebut dalam perenggan itu tidaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain."

Pindaan Akta.

5. Akta tersebut adalah dipinda dengan menambah bab baru yang berikut —

"Batasan liabiliti dan pampasan.

19. (1) Tiada tindakan boleh diambil terhadap Pengarah atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau tidak dilakukan olehnya dengan suci hati dan pada menjalankan, melaksanakan atau dikatakan pada menjalankan atau melaksanakan, sebarang kuasa atau kewajipan di bawah Akta ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Tiada sesiapa pun berhak mendapat sebarang pampasan kerana sebarang perbelanjaan yang dilakukan atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa jua yang dilakukan atau tidak dilakukan yang disebutkan dalam cerai (1), melainkan jika kerosakan tersebut adalah disebabkan oleh kecuai atau niat jahat dan tanpa sebab yang munasabah."

Diperbuat pada hari ini 12 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 25 haribulan April, 2002 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM